



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENCEROBOHAN IKAN BANDAR RAYA AKIBAT KECUALIAN KITA, FORUM, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 26	LAIN – LAIN
2.	BOT NELAYAN TEMPATAN GUNA KRU ASING TANPA PERMIT DITAHAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	
3.	'KNOWLEDGE IS POWER WHEN BUYING DURIAN', EVENTS, THE STAR, M/S – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pencerobohan ikan bandar raya akibat kecuaiannya kita

SUNGAI di kawasan bandar sering dianggap sebagai ruang semula jadi yang telah 'rosak' dan tidak lagi berfungsi sebagai ekosistem sebenar.

Ramai beranggapan kehadiran spesies asing seperti ikan bandar raya bukan masalah besar, malah dilihat sebagai penyesuaian semula jadi terhadap persekitaran bandar yang tercemar. Namun, pandangan ini perlu dikritik kerana sungai bandar tetap menyokong kesejahteraan manusia dan biodiversiti tempatan.

Kehadiran ikan bandar raya (*Pterygoplichthys spp.*) jelas mencerminkan bagaimana kecuaiannya manusia mempercepatkan keruntuhan ekosistem ini.

Ada yang berpendapat ikan bandar raya membantu 'membersihkan' sungai kerana memakan alga dan sisa organik. Sebenarnya, fungsi pembersihan ini hanya terbukti dalam persekitaran terkawal seperti akuarium.

Sebaliknya, dalam sungai terbuka yang kompleks, interaksi antara organisma, aliran air dan sedimen menjadikan peranan tersebut tidak signifikan. Malah, aktiviti pemakanan ikan bandar raya boleh mengganggu sedimen dasar sungai, meningkatkan kekeruhan air dan menjejaskan organisma akuatik lain.

Pemerhatian saintifik menunjukkan ikan bandar raya kini mendominasi banyak sungai bandar, terutama di kawasan metropolitan. Dominasi ini berlaku kerana keupayaan fisiologi ikan ini bertahan dalam oksigen terlarut rendah dan pencemaran tinggi, sedangkan ikan tempatan yang sensitif semakin terpinggir.

Kepupusan ikan asli bukanlah harga pembangunan yang wajar dibayar, kerana kepelbagaian biodiversiti merupakan asas kestabilan ekosistem jangka panjang.

Selain bersaing dengan ikan tempatan, ikan bandar raya mengubah struktur fizikal sungai. Aktiviti menggali lubang di tebing sungai untuk pembiakan menyumbang kepada hakisan dan ketidakstabilan tebing.

Kesan kumulatif antara faktor biologi dan fizikal mempercepat degradasi sungai, meningkatkan risiko banjir kilat dan merosakkan infrastruktur bandar.

Kekurangan pemangsa semula jadi membolehkan populasi ikan bandar raya berkembang tanpa kawalan.

Tingkah laku mereka yang melekat pada badan ikan lain untuk memakan lendir

menambah tekanan fisiologi kepada ikan tempatan, menyebabkan kecederaan, jangkitan dan kematian. Jika dibiarkan, sungai bandar akan menjadi sistem ekologi miskin spesies dan berfungsi rendah.

Dari sudut sosial, walaupun sungai bandar bukan sumber utama perikanan, ia tetap penting sebagai ruang rekreasi, pemancingan dan kesejahteraan komuniti.

Dominasi ikan bandar raya mengurangkan hasil tangkapan dan nilai sosial sungai, menjejaskan ekonomi serta psikologi masyarakat setempat.

Kos pemulihan ekosistem selepas kerosakan jauh lebih tinggi daripada kos pencegahan melalui pendidikan awam dan penguatkuasaan undang-undang, menunjukkan pelaburan awal lebih berkesan dan menjimatkan.

Beberapa cadangan pragmatik seperti menggunakan ikan bandar raya sebagai baja atau makanan ternakan perlu dikaji dengan teliti. Tanpa kawalan saintifik, pendekatan ini boleh mewujudkan ketergantungan ekonomi terhadap spesies invasif, sekali gus melemahkan usaha pemulihan biodiversiti asal.

Oleh itu, pendidikan awam harus menjadi teras penyelesaian, disokong penyelidikan saintifik berterusan. Isu ikan bandar raya wajar dijadikan kajian kes untuk menunjukkan bagaimana tindakan individu, seperti melepaskan haiwan peliharaan, memberi impak besar terhadap ekosistem.

Dengan pendidikan berasaskan sains, kempen komuniti dan maklumat tepat, masyarakat dapat membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Kesimpulannya, pencerobohan ikan bandar raya bukan fenomena semula jadi tetapi akibat langsung kecuaiannya manusia. Prinsip 'kerana nila setitik, rosak susu sebelanga' sesuai dijadikan panduan dalam pengurusan hidupan liar bandar.

Tanpa perubahan sikap dan pendekatan bersepadu berasaskan penyelidikan, sungai bandar akan terus kehilangan fungsinya sebagai ekosistem dan manusia sendiri yang menanggung akibatnya.

**NUR ZULAIKHA ABDUL WAHAB
& PROFESOR MADYA
DR. HASMAH ZAITI OMAR**
Universiti Malaya



ISU ikan bandar raya wajar dijadikan kajian kes untuk menunjukkan impak besar terhadap ekosistem sungai.

Bot nelayan tempatan guma kru asing tanpa permit ditahan

Kuala Terengganu: Gara-gara menggaji kru warga asing tanpa permit dan dokumen sah, seorang pengusah bot nelayan tempatan berdepan tindakan apabila vesel miliknya ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu, kelmarin.

Vesel Nelayan Tempatan (VNT) berkenaan ditahan bot peronda APMM ketika pemeriksaan rutin di kedudukan kira-kira 18.2 batu nautika timur laut Muara Terengganu pada jam 12.30 tengah hari.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Hamiludin Che Awang

berkata, pemeriksaan mendapati kru bot nelayan jenis pukat tunda itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah. Menurutnya, lima kru ditahan membabitkan tiga warga Myanmar dan dua warga tempatan termasuk tekong, masing-masing berusia antara 42 hingga 52 tahun.

"Vesel bersama kru serta tekong ditahan dan diiring masuk ke Jeti Maritim Terengganu bagi tujuan siasatan lanjut," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 serta Akta

Imigresen 1959/63. Katanya, penahanan itu mencerminkan komitmen berterusan APMM dalam memastikan pematuhan undang-undang maritim di perairan negeri ini.

"Kegagalan mengemukakan dokumen yang sah adalah kesalahan serius dan tidak akan dikompro-mi," katanya.

Sehubungan itu, Maritim Terengganu akan terus mempertingkatkan rondaan serta penguatkuasaan bagi memastikan keselamatan pelayaran dan kelestarian sumber maritim sentiasa terpelihara.



BOT nelayan tempatan ditahan kerana menggaji nelayan Myanmar tanpa memiliki permit dan dokumen pengenalan diri sah.

'Knowledge is power when buying durian'

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

BALIK Pulau durian farmers take immense pride in the varieties grown for generations in Penang.

They include the *Ang Hae* (Red Prawn), *Hor Lor*, *Ang Bak* and XO varieties of the fruit.

In order to avoid disappointment and paying a premium price for sub-par fruit,

Southwest District Agriculture Department officer Mat Suaid Sapiyin advised durian lovers to learn to recognise the physical traits rather than trusting a seller's claims.

"Take the much sought-after Black Thorn (*Or Chit*) for instance.

"The premium variety is typically round and weighs between 1.5kg and 2.5kg.

"It has a prominent dot at the base resembling a thorn," he said.

Mat Suaid encouraged consumers to familiarise themselves with the main clones from the area and verify the orchard's location.

"Do not to be swayed by irresponsible traders or middlemen when buying the fruit.

"Choose reputable or registered farmers, check the stem,



Tang (left) showing Mat Suaid (second right) and agriculture department staff the durians at his Gertak Sanggul orchard. The opened fruits are Black Thorn (right) and Musang King. — Photos: CHAN BOON KAI/The Star

and ripeness of the fruit, and ask for documentation, especially for the Geographical Indication (GI) of premium varieties."

Mat Suaid said Penang was still in the process of implementing Mi-Trace, a QR code system developed with Mimos Bhd to help combat fraud

and misrepresentation.

Farmers are also registered with the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) and district agriculture office and have acquired Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) certification to strengthen source verification of their fruits, he added.



The Black Thorn (right) has a prominent dot at the base resembling a thorn, while Musang King (left) has a flat crown and vertical seams running down to a distinct five-point star at the base.

Orchard owner Tang Boon Ley, 60, said there was also a need for processing platforms or collection centres with blast

freezers, cold storage, and downstream processing facilities.

He said it could be a long-term solution for surplus durian.

"Now may be the best time for people to eat premium

durian at a lower price, but eventually something must be done."

He said such infrastructure, coupled with cooperative models, would help stabilise prices, reduce wastage and allow growers to tap into value-added products such as durian paste, ice-cream and confectionery.